

# KCM sasar 100,000 tanda tangan

BH 10 FEB 2002

KUALA LUMPUR: Kelab Cinta Malaysia (KCM) mensasarkan 100,000 tanda tangan menerusi Kempen Menandatangani Kad Gergasi Tahun Baru Cina 2002 yang bermula di sini, semalam.

Ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara, Datuk Lee Lam Thye yang melancarkan kempen itu berkata, kelab berkenaan akan menyerahkan kad gergasi itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada masa yang ditetapkan.

Beliau berkata, kempen itu sebagai satu inisiatif bagi rakyat negara ini menyampaikan penghargaan kepada kerajaan dan negara kerana dapat menikmati keamanan dan keharmonian.

Katanya, kempen itu berkait rapat dengan semangat kebangsaan dan kesetiaan rakyat.

"Saya bangga dengan usaha KCM menganjurkan kempen ini. Saya menggesa rakyat Malaysia untuk keluar beramai-ramai menandatangani kad ini. Inilah masanya rakyat berpeluang melahirkan kesyukuran dengan menandatangani kad gergasi ini.

"Mereka juga dapat meluahkan rasa hati dan pendapat dengan mengisi borang yang disediakan. Kad gergasi ini akan dibawa ke serata pusat beli belah untuk dipamerkan dan memberi peluang kepada orang ramai untuk menandatangani," katanya.

Sementara itu, pada 26 Februari ini, kad itu akan dibawa ke Dataran Merdeka untuk ditandatangani sempena sambutan Chap Goh Mei.

Satu acara khas iaitu Perhimpunan Naga Terbesar turut diadakan dan dijangka bakal dicatatkan di dalam Malaysia Book of Records.

Lee berkata, rakyat berbilang kaum negara ini bertanggungjawab memelihara dan mengukuhkan perpaduan yang menjadi simbol kejayaan dan keamanan negara.

Berbanding banyak negara lain yang dilanda pelbagai masalah, rakyat Malaysia bertuah kerana dapat hidup aman dan bebas mengamalkan budaya dan agama masing-masing tanpa sebarang sekatan.

Katanya, perpaduan di kalangan kaum tidak boleh dipandang ringan kerana ia faktor penting dalam menentukan pembangunan dan kemajuan negara.